

## ANUGERAH SUKAN NEGARA 2017

# Jijoe, Jun Hoong terunggul

[ FOTO AIZUDDIN SAAD/BH ]

➔ Dipilih olahragawan, olahragawati atas pencapaian sebagai juara dunia

Oleh Aida Adilah Mat  
aida\_adilah@nstp.com.my

## ► Kuala Lumpur

J aguh basikal, Azizulhasni Awang dan ratu terjun, Cheong Jun Hoong menepati ramalan apabila dinobatkan sebagai Olahragawan dan Olahragawati Kebangsaan pada Anugerah Sukan Negara (ASN) 2017, di sini, malam tadi.

Azizulhasni menakluk dunia apabila menamatkan penantian 10 tahun dengan menjuarai acara keirin di Kejohanan Dunia di Hong Kong, April lalu, sekali gus memenangi Jersi Pelangi sekali gus gagal digugat lima pencabar lain.

Jun Hoong pula memecah dominasi penerjun China, untuk menjadi penerjun pertama negara meraih emas dalam acara 10 meter platform wanita di Kejohanan Akuatik Dunia di Budapest, Hungary Julai lalu - melengkapkan penguasaan dua atlet negara di pentas dunia.

Bagi Azizulhasni atau The Pocket Rocketman, ia adalah



**Azizulhasni pada majlis Anugerah Sukan Negara (ASN) 2017 di Kuala Lumpur, malam tadi.**

kejayaan ketiga selepas mengungguli gelaran berprestij itu pada 2009 dan 2010 manakala pertama buat Jun Hoong selepas Pandelega Rinong pada 2015.

### Anugerah kali ketiga

“Alhamdulillah saya bersyukur dan berbangga dinobatkan sebagai olahragawan negara 2017. Ia adalah kali ketiga saya menerima anugerah terbesar negara ini.

“Sesungguhnya segala pengorbanan, susah payah serta halangan saya tempuhi selama karier ini berbaloi dan membuatkan semua itu menjadi manis.

“Penganugerahan ini akan menjadi sumber motivasi saya untuk beraksi dengan lebih cemerlang di Sukan Komanwel dan Sukan Asia tidak lama lagi.”

kata Azizulhasni yang menerima piala pusingan, piala iringan, sijil dan RM20,000.

Pemenang pingat gangsa Olimpik Rio ketika ditemui turut mengharapkan rakan atlet yang lain akan bekerja keras untuk merasai nikmat anugerah bergelar olahragawan.

Azizulhasni atau Jijoe dan Jun Hoong yang baru-baru ini meraih perak acara terjun 10 meter platform seirama dalam Siri Piala Dunia di Beijing menjadi taruhan serta prospek terbaik buat negara meraih emas di Sukan Komanwel Gold Coast bulan depan.

Hadiah wang tunai, piala pusingan, piala iringan serta sijil kepada mereka disampaikan oleh Yang di-Pertuan Agong, Sultan Muhammad V dalam satu majlis di sini, malam tadi.

## PEMENANG

**Olahragawan Kebangsaan**  
Azizulhasni Awang (Basikal)

**Olahragawati Kebangsaan**  
Cheong Jun Hoong (Terjun)

**Olahragawan Paralimpik Kebangsaan**  
Muhammad Ziyad Zolkefli (Olahraga)

**Olahragawati Paralimpik Kebangsaan**  
Tiada pemenang

**Jurulatih Lelaki Kebangsaan**  
Mohd Poad Md Kassim (Olahraga)

**Jurulatih Wanita Kebangsaan**  
Yoong Sze Yui (Bola Keranjang)

**Pasukan Lelaki Kebangsaan**  
Pasukan Hoki

**Pasukan Wanita Kebangsaan**  
Pasukan Tenpin Bowling

**Kepemimpinan Sukan**  
Datuk Wan Nawawi Wan Ismail (Persekutuan Lawn Bowls Malaysia)

**Anugerah Tokoh Sukan**  
Sultan Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar (Persatuan Bola Sepak)

**Anugerah Khas**  
→ Kelab Bola Sepak Johor Darul Ta'zim (JDT)  
→ Hafizh Syahrin Abdullah (Moto GP)